


20 ahli keluarga veteran perang Jepun lawat Taman Damai

LABUAN: Seramai 20 ahli keluarga veteran perang tentera Jepun yang terkorban dalam Perang Dunia Ke Dua menziarahi Taman Damai (Peace Park) di Kampung Layang-Layangan bagi memberi penghormatan sempena Hari Peringatan Perkhidmatan Perang Dunia Ke Dua 1945 yang diadakan pada Selasa.

Rombongan tersebut yang terdiri daripada ahli keluarga dari bandar Nagoya, Osaka, Fukuoka, Gunma dan Saitama telah diketuai oleh Ketua Pejabat Konsulat Jepun di Kota Kinabalu Kazou Azegami.

Terdahulu sebelum itu, delegasi veteran ini telah mengadakan upacara yang sama di Miri Sarawak dan Brunei Darussalam.

Selain bertujuan untuk memberikan penghormatan kepada anggota tentera Jepun yang terkorban dalam peperangan Dunia Ke Dua, mereka juga berke-



KENANGAN Kazou Azegami (duduk, tiga kanan) bersama Bashir (duduk, dua kanan), Zamri (duduk, kiri sekali) dan Mahathir (duduk, kanan sekali) bersama 20 ahli keluarga veteran perang Jepun yang menziarahi Tugu Peringatan Taman Damai, Layang-Layangan.

sempatan untuk melawat kawasan yang menarik di sekitar pulau ini termasuk mengadakan lawatan ke SMK Pantai untuk menghulurkan sumbangan buku

kepada sekolah berkenaan.

Pada kesempatan itu, Kazou Azegami yang juga Pengarah Eksekutif Nipon Izukukai bersama rombongan membuat

kunjungan hormat ke atas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Azhar Ahmad di pejabatnya di Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan.

Hadir sama pemimpin tempatan pada majlis penghormatan mangsa perang itu ialah, Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Haji Bashir Haji Alias, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Mohd Zamri Mohd Esa dan Pengarah Jabatan Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan Perbadanan Labuan, Mahathir Abdul Hamid.

Untuk rekod Taman Damai (Peace Park) atau lebih dikenali sebagai Surrender Point telah di bina sempena memperingati Perang Dunia Ke Dua dan merupakan tempat bersejarah di mana tentera Jepun yang diketuai oleh Komander ke 37 Tentera Jepun, Jeneral Masao Baba mendarat dan menyerah kalah kepada Mejar Jeneral George F. Wootten Komander ke 9 Tentera Australia sekaligus menamatkan perang Dunia Kedua, 1945. **-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**